



Bank Pilihan Anda

## SIARAN MEDIA

### **BANK RAKYAT SALUR SUMBANGAN RM200,000 MENERUSI PROGRAM IMARAH RAMADAN 2026**

**KUALA LUMPUR, 13 MAC 2026** – Bank Rakyat meneruskan inisiatif Jangkauan Komunitinya bagi menyantuni masyarakat yang memerlukan sempena bulan Ramadan menerusi **Program Imarah Ramadan 2026** dengan peruntukan keseluruhan sumbangan bernilai **RM200,000** bagi membantu golongan asnaf di seluruh negara.

Bank Rakyat dalam satu kenyataan berkata, inisiatif tersebut yang memberi manfaat kepada **2,000 orang asnaf**, dilaksanakan di **50 lokasi masjid serta surau** terpilih di seluruh negara yang mana setiap penerima menerima bakul makanan keperluan asas bernilai **RM100**.

“Program sumbangan bakul makanan ini telah memasuki tahun kelima penganjurannya, selaras dengan nilai Malaysia MADANI yang menitikberatkan kesejahteraan masyarakat serta semangat saling membantu. Melalui pelaksanaan program seperti ini, Bank Rakyat terus komited memainkan peranan sebagai institusi kewangan yang prihatin terhadap kebajikan masyarakat serta pembangunan komuniti secara berterusan,” ujar Bank Rakyat.

“Usaha ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif Jangkauan Komuniti Bank Rakyat di bawah **Kempen ‘Suara Hati’** bagi mendekati masyarakat daripada setiap peringkat serta menghargai sokongan pelanggan terhadap Bank Rakyat, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan Bank Rakyat dalam berkongsi rezeki, di samping mengukuhkan semangat kebersamaan,” tambahnya.

Dalam program yang berlangsung di Masjid Al-Arifin, Padang Katong, Kangar, Perlis, Bank Rakyat turut menyampaikan 40 kotak makanan keperluan asas kepada pihak masjid untuk diagihkan kepada golongan asnaf di kawasan sekitar. Selain itu, 100 penerima asnaf turut menerima bantuan tunai sebanyak **RM100** setiap seorang melalui Masjid Ameer Fawwaz dan Surau An-Najihin.

Pada masa yang sama, Yayasan Bank Rakyat turut menyampaikan Bantuan Awal Pengajian berjumlah **RM100,000** kepada pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai usaha menyokong pembangunan pendidikan dan kebajikan pelajar.

**-TAMAT -**